



SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA KUALA SELANGOR,
PASIR PENAMBANG 45000 KUALA SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN



NOTA GEMPUR BAHASA MELAYU

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
(1103/2)



TEKNIK
PENYUNTINGAN



KOLEKSI SOALAN
TRIAL SPM 2023

NOTA PADAT:
MERCAH
[2024 VERSION]

DEDUKSI PENULIS

Diharapkan secebis nota ini dapat
memberi manfaat kepada diri sendiri
dan calon SPM di luar sana.

KERTAS 2

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH
Morfologi	Kata Nama Am	◇ menamakan orang / tempat / benda / konsep	Sekolah / Ibu bapa / Udara / Cakerawala / Kedamaian
	Kata Nama Khas	◇ mendukung makna Rujukan Khusus nama orang / haiwan / benda / institusi / undang-undang / bangsa / bahasa ◇ Huruf pertama mesti ditulis dengan Huruf Besar	Kuala Selangor / Aisyah / Sang Kancil / Proton Saga / Melayu / Seri Perdana / Vanda Diana (Orkid)/Petronas / Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran / Kementerian Pendidikan Malaysia
	Kata Ganti Nama (KGN)	◇ KGN Pertama	• Secara Tunggal : Saya / Aku / Patik / Beta • Secara Jamak : Kami / Kita
		◇ KGN Kedua	• Secara Tunggal : Awak / Anda / Engkau / Tuanku • Secara Jamak : Kamu
		◇ KGN Ketiga	• Secara Tunggal : Dia / ia / Beliau / -nya / • Secara Jamak : Mereka
		◇ KGN Tanya	• Siapa → merujuk kepada orang • Mana → merujuk kepada benda / orang • Apa-apa → rujukan tak tentu / penegasan • Mana-mana → rujukan tak tentu / penegasan • Siapa-siapa → rujukan tak tentu / penegasan
		◇ KGN Tunjuk ◇ mendukung maksud yang dirujuk (benda / perkara)	• Ini → dekat • Itu → jauh
	Kata Kerja Transitif (KKT)	◇ mempunyai Objek sebagai Pelengkap ◇ Kata Kerja yang diikuti oleh Objek (Kata Nama) untuk melengkapkan maksudnya	• KKT Aktif → Membaca buku / Mencari Dana • KKT Pasif → Buku dibaca oleh adik. / Dana dicari oleh pihak kerajaan.
Kata Kerja Tak Transitif (KKTT)	◇ tak perlukan Objek sebagai Pelengkap ◇ Dapat berdiri sendiri iaitu tidak memerlukan objek atau penyambut untuk melengkapkan maksudnya	• KKT Berpelengkap → Beransur sembut / menjadi realiti / Berbuat baik • KKT Tak Berpelengkap → Pergi / Runtuh / Tumbuh / Menangis / bersembahyang	
Kata Adjektif	◇ dikenali sebagai Kata Sifat yang menerangkan sesuatu keadaan / benda / nama ◇ Terdapat 9 kategori dalam bahagian Kata Adjektif iaitu Sifat / Warna / Bentuk / Jarak / Perasaan / Ukuran / Waktu / Cara / Pancaindera	lemah / baik / gopoh / merah / ungu / biru / bulat / buncit / petak / jauh / hampir / Nyaris / rindu / suka / kecil / nipis / tebal / baharu / segera / cepat / lincah / selalu / lazat / comel / merdu / wangi / halus .	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH
Morfologi	Kata Tugas (Kata Hubung)	◇ Kata Hubung Gabungan (KHG)	• Dan / Lalu / Atau / Serta / Tetapi / Malahan / Sambil / Kemudian
		◇ Kata Hubung Pancangan (KHP)	• KHP Realitif → Yang • KHP Komplemen → bahawa / untuk • KHP Keterangan → Kerana / Untuk / Supaya / Agar / Jika / Apabila / Meskipun / Sekiranya / Semasa / Setelah / Sewaktu / Tatkala / Walaupun / Sungguhpun
	Kata Majmuk (KM)	◇ Kata Majmuk Bebas	buku latihan / campur aduk / derma kilat / ambil alih
		◇ Kata Majmuk Istilah Khusus	Garam mineral / deria bau / akar tunjang / baja kimia
		◇ Kata Majmuk Kiasan	Anak angkat / Gaji buta / isi hati / tangan panjang
		◇ Kata Majmuk Mantap	Antarabangsa / Sukarela / Beritahu / Suruhanjaya / Bumiputera / Tandatangan / Jawatankuasa / Tanggungjawab / Kakitangan / Warganegara / Kerjasama / Pesuruhjaya / Olahraga / Matahari / Setiausaha / Suruhanjaya / Sukacita / Dukacita / Hulubalang / Kerjasama
	Kata Ganda (KG)	◇ KG Penuh → keseluruhan kata dasar digandakan	• anai-anai / tiba-tiba / mata-mata / makan-makan
		◇ KG Separa → Sebahagian Kata Dasar sahaja	• lelaki / sesiku / dedaun / tolong-menolong
		◇ KG Berentak → Dari segi vokal, konsonan & bebas	• kuih-muih / gunung-ganang / saudara-mara
	Kata Terbitan (KT)	◇ Kata Terbitan Berimbuhan Awalan	• K>Nama : pe-/pem-/pen-/peng-/penge-/pel-/per-/pe-/ ke- / juru-/maha-/tata-/pra-/sub-/supra-/eka-/dwi- • K.Kerja : me- / mem- / memper- / ber- / be- / bel- / ter- / di- / diper- • K.Adjektif : ter- / te- / se-
		◇ Kata Terbitan Berimbuhan Apitan	• K>Nama : pe-an / pem-an / pen-an / peng-an / penge-an / per-an / pel-an / ke-an • K.Kerja : me-kan/men-kan/mem-kan/meng-kan/menge-kan/ber-kan/ber-an/di-kan/me-i/men-i/mem-i/meng-i/di-i/diper-kan/diper-i/memper-kan/memper-i/ke-an • K.Adjektif : ke-an
	Kata Terbitan (KT)	◇ Kata Terbitan Berimbuhan Sisipan	• Kata Nama : -el / -er • Kata Adjektif : -el / -er / -em / -in

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH
	Kata Penekan	◇ Kata yang memberikan penegasan	• Sesungguhnya / Bahawasanya / Nampaknya
	Kata Pembenda	◇ Tukar Perkataan [Bukan Kata Nama → Kata Nama]	• datangnya / lajunya / sakitnya
KATA PRAKLAUSA			
◇ Kata Praklausa terdiri daripada 5 Subjenis iaitu Kata Seru / Kata Tanya / Kata Perintah / Kata Pembena / Kata Pangkal Ayat			
◇ Masing-masing hadir di hadapan ayat dan masing-masing memikul tugas tertentu			
	Kata Seru	◇ menunjukkan perasaan	Aduh / Amboi / Oh / Eh / Syabas / Wahai / Aduhai / Wah / cis / Celaka
	Kata Tanya	◇ menanyakan atau menyoalkan sesuatu	Siapa / berapa / mana / bila / bagaimana / kenapa
	Kata Perintah	◇ menunjukkan tindak balas terhadap sesuatu	Jangan / Usah / Sila / Tolong / harap / minta / jemput
	Kata Pembena	◇ mengesahkan sesuatu pernyataan	ya / benar / betul / sah
KATA PRAFRASA			
◇ Kata Prafrasa terdiri daripada 8 Subjenis iaitu Kata Sendi Nama / Kata Pemer / Kata Penguat / Kata Penegas / Kata Nafi / Kata Bilangan / Kata Bantu / Kata Arah			
◇ Sejumlah perkataan yang memberikan penekanan kepada sesuatu bahagian dalam ayat			
	Kata Sendi Nama	◇ Terletak di Hadapan FN (Frasa Nama)	ke/kepada/dari/daripada/pada/untuk/di/dengan/oleh/bagi/demi/tentang/sejak/semenjak/terhadap/akan/hingga/seperti/sampai/bagai/umpama/bak/laksana
	Kata Pemer	◇ menunjukkan persamaan dan hadir di Hadapan FN	• Ialah
		◇ menunjukkan huraian dan hadir di Hadapan FA/FS	• Adalah
	Kata Penguat (KP)	◇ Kata Penguat Hadapan	terlalu/paling/agak/cukup/makin/kurang
		◇ Kata Penguat Belakang	Sekali/betul/benar/nian
		◇ Kata Penguat Bebas	sangat/sungguh/amat
	Kata Penegas	◇ Penegasan Frasa Predikat atau bahagiannya	• -kah / -tah / -lah
		◇ Penegasan bersifat Bebas	• -jua / -pun / juga / sahaja / lagi / memang / hanya
	Kata Nafi	◇ menafikan Frasa Nama / Frasa Sendi Nama	• Bukan
		◇ menafikan Frasa Kerja	• Tidak
	Kata Bilangan (KB)	◇ KB Tentu	• Satu / Seratus / Seribu
		◇ KB Tak Tentu	• Semua / Sebahagian / Beberapa / Sekalian / Para / Seluruh / Segala / Segenap / Sebilangan / segelintir
		◇ KB Himpunan	• Berpuluh-puluh / beratus-ratus
		◇ KB Tentu Pisahan	• Setiap / tiap-tiap / masing-masing
		◇ KB Pecahan	• Setengah / Dua pertiga / satu perempat
		◇ KB Tingkat	• Pertama / Kedua / Kesepuluh

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH	
Morfologi	KATA PRAFRASA			
	Kata Bantu	◇ Kata Bantu Aspek	telah / sudah / baru / pernah / sedang / masih / akan / mula / belum	
		◇ Kata Bantu Ragam	Dapat / Boleh / Harus / Mesti / Hendak / Mungkin / Mahu / Patut / Enggan	
Kata Arah	◇ Menyatakan kedudukan atau hala sesuatu benda	atas/antara/belakang/dalam/depan/hadapan/hulu/hilir/luar/penjuru/sudut/seberang/sisi/tengah		
Sintaksis	Ayat Aktif	◇ Ayat yang menekankan Pelaku sebagai Subjek ◇ Kata Kerja berawalan dengan imbuhan "MeN" → me- / mem- / men- / meng- / menge-	1. Saya membeli buku 2. Halimah memberi hadiah 3. Ibu menggoreng keropok	
	Ayat Pasif	◇ Ayat yang mengutamakan Objek dan Perbuatannya		
		◇ Kata Kerja tiada Imbuhan Awalan ◇ Kata Kerja dengan Imbuhan Awalan [di- oleh ...]	1. Buku saya Beli 2. hadiah dibeli oleh Halimah	
	Konsep Pertukaran Ayat Aktif dan Ayat Pasif	AYAT AKTIF → AYAT PASIF		
		◇ Saya menanam pokok bunga itu di halaman rumah	◇ Pokok bunga itu saya tanam di halaman rumah	
		◇ Sediakan susunan radas seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah	◇ Susunan radas disediakan seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah	
		AYAT PASIF → AYAT AKTIF		
		◇ Dahan telah dicantas oleh Aisyah pada hari Ahad ◇ Corong tisel ditolakkan ke dalam silinder penyukat	◇ Aisyah telah mencantas dahan pada hari Ahad ◇ Tolakkan corong tisel ke dalam silinder penyukat	
	Subjek	◇ Benda atau Perkara yang diterangkan	◇ Boleh jadi terdiri daripada FN / FK / FS	
	Predikat	◇ Perihal yang menerangkan Subjek	◇ Boleh jadi terdiri daripada FN / FK / FS / FA	
	Konsep Penentuan Subjek dan Predikat	KATA NAMA AM SEBAGAI SUBJEK		
		◇ CONTOH: Pegawai keselamatan itu memeriksa seluruh kawasan sekolah	• Subjek: Pegawai keselamatan itu • Predikat: memeriksa seluruh kawasan sekolah	
		KATA NAMA KHAS SEBAGAI SUBJEK		
◇ CONTOH: Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz terletak di bandar Subang		• Subjek: Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz • Predikat: terletak di bandar Subang		
KATA NAMA TERBITAN SEBAGAI SUBJEK				
◇ CONTOH: Kesusahan orang Kampung Baru mendapat perhatian Yang Berhormat kawasan tersebut		• Subjek: Kesusahan orang Kampung Baru • Predikat: mendapat perhatian Yang Berhormat kawasan tersebut		

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH
Sintaksis	Konsep Penentuan Subjek dan Predikat	KATA GANTI NAMA DIRI SEBAGAI SUBJEK	
		◇ CONTOH: Husna menaiki bus ke sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek: Husna • Predikat: menaiki bus ke sekolah
		KATA GANTI NAMA TUNJUK SEBAGAI SUBJEK	
		◇ CONTOH: Ini adalah baju sekolah yang dipinjam daripada Syafiqah pada hari Ahad lalu	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek: Ini • Predikat: adalah baju sekolah yang dipinjam daripada Syafiqah pada hari Ahad lalu
		KATA KERJA SEBAGAI SUBJEK	
		◇ CONTOH: Beriadah merupakan aktiviti yang dapat menguatkan ukhwah sesama manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek: Beriadah • Predikat: merupakan aktiviti yang dapat menguatkan ukhwah sesama manusia
		KATA ADJEKTIF SEBAGAI SUBJEK	
	◇ CONTOH: Kuning lambang diraja	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek: Kuning • Predikat: lambang diraja 	
	Ayat Penyata	◇ menyatakan sesuatu maklumat	• Zakiah seorang pelajar yang baik
	Ayat Tanya	◇ menanyakan atau menyoalkan sesuatu perkara ◇ dengan menggunakan simbol Kata Tanya (?) atau tidak menggunakannya	• Siapakah jejak idaman kamu?
			• Awak masih belum nikah?
			• Bolehkah kita lakukan bersama-sama?
	Ayat Seruan	◇ melahirkan sesuatu perasaan ◇ dengan menggunakan Tanda Seru (!) dalam ayat ◇ dengan menggunakan Kata Seru	• Wah, cantiknya lukisan awak!
			• Amboi, sombongnya dia!
			• Nah, ambillah pemberianku ini!
	Ayat Perintah	◇ Ayat Perintah Suruhan ◇ Ayat Perintah Larangan ◇ Ayat Perintah Silaan ◇ Ayat Perintah Permintaan	• Siapkan lukisan kamu sekarang
			• Jangan melakukan maksiat
			• Sila hadirkan diri anda ke Dewan Ibnu Batutah
			• Tolong menghormati tetamu
	Ayat Majmuk	◇ Ayat Majmuk Gabungan ◇ Ayat Majmuk Campuran ◇ Ayat Majmuk Pancangan (Relatif) ◇ Ayat Majmuk Pancangan (Komplemen) ◇ Ayat Majmuk Pancangan (Keterangan)	• Aisyah dan Aqilah pergi ke pasar raya
			• Ayah sedang membaca surat khabar manakala ibu sedang memasak untuk anaknya
			• Halimah serang yang rajin
			• Belajarlah untuk kejayaan pada masa hadapan
• Kita perlu bersikap baik agar diri sentiasa disayangi oleh masyarakat			

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	CONTOH
Sintaksis	Ayat Songsang	◇ Predikat dahulu baru Subjek. Ayat Songsang mempunyai 6 bentuk pendepanan Subjek.	
		1. Pendepanan Seluruh Predikat	• Guru SMK Agama Kuala Selangor, Encik Rahim
		2. Pendepanan Kata Kerja	• Bermain mereka di padang sekolah
		3. Pendepanan Kata Kerja dengan Objek	• Menggorengkan ikan siakap ibu tadi
		4. Pendepanan Kata Kerja dengan Kata Bantu	• Sedang menulis surat Razali untuk ibunya
		5. Pendepanan Kata Adjektif	• Pandai Halimah dalam mata pelajaran biologi
		6. Pendepanan Kata Adjektif dengan Kata Bantu	• Agak mahal harga ayam goreng itu
		◇ Contoh pertukaran Ayat Biasa → Ayat Songsang	
	1. Novel ini untuk Farwizah	→ Untuk Farwizah novel ini	
	2. Encik Borham Pengetua di SMK Kuala Selangor	→ Di SMK Kuala Selangor Encik Borham Pengetua	
	Konsep Percakapan dalam Bahasa Melayu	CAKAP AJUK	
	◇ Percakapan / Perbualan / Dialog	• "Jemput masuk ke rumah", kata Aisyah kepada Raziq	
	CAKAP PINDAH		
◇ Ayat Penyata / Laporan Pihak Ketiga	• Aisyah mempelawa Raziq masuk ke rumah		
Penyuntingan	Teknik mengesan dan membetulkan kesalahan	◇ Kenal Pasti Kesalahan seperti Kesalahan Ejaan / Imbuhan / Istilah / Kata / Tatabahasa ◇ Baca ayat berulang-ulang kali supaya dapat mengenal pasti kesalahan yang ada ◇ Teliti perkataan demi perkataan serta cuba kaitkan dengan Hukum Tatabahasa Melayu yang dipelajari ◇ Garisi perkataan yang salah	
	JENIS	CONTOH KESALAHAN	CARA PEMBETULAN
	Kesalahan Ejaan Kata Majmuk	◇ Keretapi	→ Kereta api
		◇ Jawatan kuasa	→ Jawatankuasa
		◇ Ibumama	→ Ibu bapa
		◇ barang kali	→ barangkali
		◇ Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur	→ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
		◇ Bandar Raya Islam	→ Bandar Raya Islam
		◇ Was-was	→ waswas
		◇ anti-dadah	→ antidadah
		◇ tengahari	→ tengah hari
		◇ kadang kala	→ kadangkala
		◇ begitupun	→ begitu pun
		◇ isipadu	→ isi padu
◇ Walaubagaimanapun		→ Walau bagaimanapun	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
	JENIS	CONTOH KESALAHAN	CARA PEMBETULAN
Penyuntingan	Kesalahan Ejaan pada Perkataan	◇ Strategik yang berkesan	→ Strategi yang berkesan
		◇ Itu merupakan lokasi yang berstrategi	→ Itu merupakan lokasi yang berstrategik
		◇ Resepi	→ Resipi
		◇ Catit	→ Catat
		◇ Fax	→ Faks
		◇ taksub	→ taasub
		◇ lagenda	→ lagenda
		◇ tuhan	→ Tuhan
		◇ analisa	→ analisis
		◇ baucer	→ baucar
		◇ bahru	→ baharu
		◇ En Zamri	→ En. Zamri
		◇ Allahyarham P Ramlee	→ Allahyarham P. Ramlee
		◇ Cendikiawan	→ Cendekiawan
		◇ Kolestrol	→ Kolesterol
	Kesalahan Ejaan Kata Sendi Nama	◇ disana	→ di sana
		◇ kesini	→ ke sini
		◇ diatas meja	→ di atas meja
	Kesalahan Ejaan Kata Ganda	◇ Saudara mara	→ Saudara-mara
		◇ Mengasihi-mengasihi	→ kasih-mengasihi
		◇ memporakperandakan	→ memporak-perandakan
		◇ tolong menolong	→ tolong-menolong
		◇ bergotong royong	→ bergotong-royong
		◇ hal lain-lain	→ hal-hal lain
		◇ perkara lain-lain	→ perkara-perkara lain
	◇ peristiwa lain-lain	→ peristiwa-peristiwa lain	
	Kesalahan Tanda Sempang (-)	◇ Gunung ganang	→ Gunung-ganang
		◇ ke21 / ke 21	→ ke-21
◇ tahun 90an		→ tahun 90-an	
◇ kepadaMu		→ kepada-Mu	
◇ proJepun		→ pro-Jepun	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
Penyuntingan	Kesalahan Imbuhan	◇ mengengahkan	→ mengetengahkan
		◇ merbahaya	→ berbahaya
		◇ perlantikan	→ pelantikan
		◇ memperindahkan	→ memperindah
		◇ mengwujudkan	→ mewujudkan
	Kesalahan Istilah	◇ Aisyah bekerja sebagai seorang pramugara	→ Aisyah bekerja sebagai seorang pramugari
		◇ Isu penggunaan dadah semakin merisaukan	→ Isu penyalahgunaan dadah semakin merisaukan
		◇ Rumah itu dicipta oleh Encik Ahmad	→ Rumah itu dibina oleh Encik Ahmad
	Kesalahan Tatabahasa	◇ berbagai buah	→ berbagai-bagai buah
		◇ rakyat-rakyat	→ rakyat
		◇ senarai nama-nama	→ senarai nama
		◇ di pagi hari	→ pada pagi hari
		◇ ke pegawai itu	→ kepada pegawai itu
	Kesalahan Hukum DM	↳ Hukum DM meletakkan "Benda" di hadapan dan "Sifat" dibelakang	
		↳ Kesalahan biasanya meletakkan Sifat di hadapan dan Benda di belakang / penggunaan Bahasa Inggeris	
		◇ Damia menaiki mini bas	→ Damia menaiki bas mini
		◇ Makan di Zakiah Restoran	→ Makan di Restoran Zakiah
		◇ makan Maggie mee	→ makan mi Maggie
		◇ naik Mara Ekspres	→ naik Ekspres Mara
		◇ membeli goreng pisang	→ membeli pisang goreng
	◇ di Ah Chong kedai basikal	→ di kedai basikal Ah Chong	
	Kesalahan Kata Adjektif	◇ paling terbesar	→ paling besar / terbesar
		◇ paling besar sekali	→ paling besar
		◇ terlalu besar sekali	→ terlalu besar
	Kesalahan Partikel	◇ Siapa kah	→ Siapakah
		◇ tolong lah	→ tolonglah
		◇ bagaimana pun	→ bagaimanapun
	Kesalahan tanda koma (,)	◇ Aisyah pelajar di USIM bukan di UKM	→ Aisyah pelajar di USIM, bukan di UKM
		◇ Halimah membeli buku pen dan novel	→ Halimah membeli buku, pen dan novel
	Kesalahan Penjodoh Bilangan	◇ Sebahagian orang penduduk	→ Sebahagain penduduk
◇ Perpaduan perlu dipupuk dalam sebuah masyarakat		→ Perpaduan perlu dipupuk dalam masyarakat	
◇ Setiap orang warganegara		→ Setiap warganegara	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
Bahasa Melayu Standard	Contoh perkataan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard	1. Penjurit → Pahlawan / Askar / Tentera / Pencuri	28. Berkehendak → berzina / bermukah
		2. Kepetangan → Cerdik / licik / handal	29. kaus barang sepasang → sepasang kasut
		3. Syahadan → Seterusnya / lalu	30. Perlente → Penjahat
		4. Seorang kepada seorang → seorang demi seorang	31. Teririk → terpijak
		5. pandang pada → memandang	32. bumantara → udara
		6. Alkisah maka tersebutlah → bermulanya kisah ...	33. Cula → azimat
		7. Tatkala → apabila	34. direntakan → ditengking
		8. "Hai ..." → "Wahai ..."	35. geruh → malang
		9. Seraya → sambil	36. bini aji → gundik raja
		10. Kubinasakan → menghancurkan	37. buana → dunia
		11. ceritera → cerita	38. balai rong → tempat menghadap raja
		12. Tanpa kedep tembung laku → kurang ajar	39. Pitis → wang
		13. Afwah → tuah	40. pelang / geladak → perahu / kapal
		14. diirasnya → dipotong	41. murka / amarah → marah
		15. Karar → Tenang / tenteram	42. beradu → tidur
		16. Kula / Manira → Patik / saya	43. berbasa-basi → bersopan-santun
		17. Pakanira → Tuan / Engkau / Kamu	44. dian / kandil → pelita
		18. Sedikit alah olehnya → hampir dikalahkan mereka	45. meta → mengamuk
		19. Bermain-main segenap → melawat di setiap kampung	46. Gemala → batu
		20. Jendera → Lena / neyenyak	47. menyembah → memberi hormat
		21. kalakian → ketika itu	48. kurnia → belas kasihana
		22. tepi kali → tepi sungai	49. junjung → mematuhi
		23. Hatta → lalu	50. firasat → ramalam
		24. sebermula → bermulalah sebuah kisah	51. beberapa lama → tidak beberapa lama kemudian
		25. Arakian → selepas itu	52. Dari mulanya datang kesudahannya → dari mula hingga akhir
		26. Terlalu Mashghulnya → amat sedih	53. Endah apatah → apakah susahnya
		27. Titah dulu kesuma → Kata-kata orang atasan	54. persalin → sepasang pakaian

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
	KAWASAN	BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Bahasa Melayu Standard	Soalan Trial SPM Kuala Lumpur 2023	Maka Laksamana pun membahagi tiga, ambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana itu dibahagi tiga pula, yang sebahagi itu didermakan pula segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala oraangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana	Laksamana membahagi tiga harta itu, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagian, kemudian harta itu dibahagi oleh Laksamana kepada tiga bahagian lagi. Satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian diberikan kepada semua pegawai yang tidak mempunyai kuasa dan satu bahagian lagi diberikan kepada semua orang Laksamana. Segala harta itu telah habis dan tidak ada satu pun yang diambil oleh laksamana
	Soalan Trial SPM Pahang 2023	Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya."	Tidak dijawab oleh Tun Perak pertanyaan itu. Sekali lagi Seri Amerta bertanya, namun tidak dijawab oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta bertanya, barulah dijawab oleh Tun Perak, katanya, "Wahai Seri Amerta, tuan hamba dengan sebilah pedang tuan hamba itu, hendaklah tuan hamba jaga dengan baik, jangan dibiarkan berkarang, jangan dibiarkan matanya tumpul."
	Soalan Trial SPM Melaka 2023	Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerika anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Putih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal	Setelah empat puluh dua tahun lamanya, Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, lalu baginda mangkat. Kemudian anakanda baginda yang bernama Raja Adullah itu menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelaran baginda sebagai pemerintah kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda semasa menaiki tahta kerajaan itu ialah dua puluh tujuh tahun. Kemudian baginda berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Putih Puteri Pualam; dan mempunyai anak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal
	Soalan Trial SPM Kelantan & Pulau Pinang 2023	Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi, baiklah Tun Perak diam di negeri."	Baginda mengambil sirih daripada tepak sirih baginda, disuruh memberikannya kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, "Tun Perak tidak patut menetap di Kelang lagi, sebaliknya menetap di negeri ini."

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
	KAWASAN	BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Bahasa Melayu Standard	Soalan Trial SPM Sabah, Pasir Gudang (Johor) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) 2023	Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, "Adapaun Tun perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri." Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja itu di seri balai itu, maka Seri Diraja berkisar ke tengah	Sultan Muzaffar Syah berkenan mendengar penjelasan Tun Perak. Pada pendapat baginda, "Tun Perak tidak sepatutnya menjadi bentara tetapi sepatutnya menjadi Perdana Menteri." Tun perak digelar Paduka Raja dan disuruh di seri balai setara degan Seri Nara Diraja. Paduka Raja menaiki seri balai dan duduk berdekatan dengan Seri Nara Diraja. Seria Nara Diraja beralih ke tengah.
	Soalan Trial SPM Negeri Sembilan 2023	Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu." Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi, baiklah Tun Perak diam di negeri."	Seri Amerta mempersembahkan kata-kata yang disampaikan oleh Tun Perak kepada Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum sambil bertitah, "Kata-kata Tun Perak itu memang benar." Baginda mengambil sirih daripada tepak sirih baginda, disuruh memberikannya kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, "Tun Perak tidak patut menetap di Kelang lagi, sebaliknya menetap di negeri ini."
	Soalan Trial SPM Terengganu 2023	Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu	Laksamana berjalan. Pada malam itu keadaan terlalu gelap dan hujan renyai-renyai. Kertala Sari masuk ke kota. Laksamana tidur di tengah-tengah pasar itu. Kemudian mendengar bunyi hentakan kaki Kertala Sari yang sangat kuat. Laksamana mengetahui kehadiran Kertala Sari. Kertala Sari sedang menuju ke tengah pasar.
	Soalan Trial SPM Selangor (SET 1) 2023	Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, adanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat." Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dianugerahi baginda dengan sepertinya.	Sampailah berita ke Melaka bahawa Cau Pandan sudah meninggal dunia kerana sakit sehingga muntah darah dan adanya seolah-olah dipanah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar berita itu, baginda bertitah, "Benarlah Tuan Sidi Arab ini seorang hamba Allah yang mempunyai keistimewaan." Baginda memuji Tuan Sidi Arab dan dianugerahi oleh baginda dengan selayaknya.

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
	KAWASAN	BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Bahasa Melayu Standard	Soalan Trial SPM Selangor (Set 2) 2023	Maka sembah Temenggung, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia, adapun pada malam ini patik sendirinyalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggu; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung."	Sembah Temenggung, "Ya, tuanku, patik memohon ampun dan keizinan. Pada malam ini, patik sendirilah yang berkawal. Di setiap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya telah patik kawal. Namun, tiada seorang pun yang patik jumpai. Semua titah yang maha mulia telah patik patuhi.
	Soalan Trial SPM SMK Meradong (Sarawak) 2023	Adapun perigi Batu Pahat itu dibuat, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara kepada Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka, maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.	Terdapat perigi di Batu Pahat telah dibuat oleh orang Siam. Diikuti Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Lalu Bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Seterusnya, semua perihal ehwal dipersembahkan oleh Bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka lalu memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja iaitu pakaian yang baik-baik dan semua hulubalang yang bersama-sama turut dianugerahi baginda persalinan yang sepadan.
	PROSA TRADISIONAL (KEPIMPINAN MELALUI TELADAN)		
	Sinopsis ringkas mengenai kisah yang terkandung di dalam soalan Bahasa Melayu Klasik	<p>Melalui Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada, Kerajaan Majapahit telah mewakili Kertala Sari ke Melaka. Tujuannya untuk menyerang Melaka dan membunuh Raja Melaka serta Laksamana Melaka. Kertala Sari telah menerima tugas tersebut kerana ingin membalas dendam ke atas kematian ayahnya, Petala Bui yang mati dibunuh oleh Laksamana. Semasa di Melaka, Kertala Sari telah merompak semua harta milik saudagar-saudagar kaya serta mencabuli isteri-isteri mereka. Kemudiannya menyimpan harta tersebut di Bukit Cina.</p> <p>Pada suatu malam, berlaku pertembungan antara Laksamana dengan Kertala Sari di mana Laksamana berjaya menikam dada Kertala Sari lalu menyebabkan dia terbunuh. Raja Melaka menitahkan segala harta yang dicuri oleh Kertala Sari di Bukit Cina terus dikumpulkan dan dibawa ke Istana. Saudagar-saudagar kaya dititahkan untuk menghadiahkan sebahagian harta tersebut kepada Laksamana sebagai mengenang jasa Laksamana. Setelah menerima harta tersebut, Laksamana menghadiahkan harta tersebut kepada golongan fakir miskin dan pihak lain yang memerlukan. Di Majapahit, berita kematian Kertala Sari diterima oleh Patih Gajah Mada dan beliau bertekad untuk mencari pendekar lain bagi membunuh Sultan Melaka dan Laksamana</p>	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
Cadangan Peribahasa	TEMA	PERIBAHASA	
	Keluargaan	1. meluntur buluh biarlah dari rebungunya	5. bagai ketam mengajar anaknya berjalan lurus
		2. bagaimana acuan begitulah kuihnya	6. Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum jua
		3. bapa borek anak rintik	7. Biduk lalu kiambang bertaut
		4. bagai menatang minyak yang penuh	
	Kerjasama	1. Bagai aur dengan tebing	5. terendam sama basah, terampai sama kering
		2. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni	6. bulai air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat
		3. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah	
		4. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	
	Usaha	1. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	6. Yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang
		2. Bagai lebah menghimpun madu	7. Alang-alang mandi biar basah
		3. Genggam bara api biar sampai jadi arang	
		4. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	
	Perpaduan	1. Jiran sepakat membawa berkat	4. Seikat bagai sirih, serumpun bagai serai
		2. Orang memberi kita merasa, orang berbudi kita berbahasa	5. bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.
		3. Bersatu teguh bercerai roboh	6. Mulut biar manis, hati biar baik
	Ekonomi	1. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit	4. Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
		2. Sediakan payung sebelum hujan	5. Mendengar guruh di langir, air tempayan dicurahkan
		3. Yang sejengkal takkan jadi sehasta	6. Serampang dua mata
	Pengajaran	1. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna	4. Sudah terhantuk baru tengadah
		2. Sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan	5. Nasi sudah menjadi bubur
		3. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan	6. Seperti kacang melupakan kulit
	Sejarah	1. Tak kenal maka tak cinta	5. Hidup segan mati tak mahu
		2. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	6. Patah tumbuh hilang berganting
3. Biar mati anak jangan mati adat		7. Yang lama dikelek yang baharu didukung	
4. Hidup dikandung adat mati dikandung tanah		8. Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah	
Keburukan	1. Malang tidak berbau, jika berbau busuk baunya	5. Kusangka panas hingga petang, kiranya hujan di tengah hari	
	2. Sudah jatuh ditimpa tangga	6. Bagai kaca terhempas ke batu	
	3. Hari ini hari orang, mungkin esok hari kita	7. Menjolok sarang tebu	
	4. telur di hujung tanduk		

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
Cadangan Peribahasa	TEMA	PERIBAHASA	
	Kesihatan & Alam Sekitar	1. Mencegah lebih baik daripada mengubati	5. Jangan sudah terperosok baru hendak membaiki lantai
		3. Tepuk dada tanya selera	6. Belukar sudah menjadi rimba
		4. Alah bisa tegal biasa	
	Teknologi	1. Ibaratt cendawan tumbuh selepas hujan	3. Gunting dalam lipatan
		2. Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang	4. Sekali air bah, sekali pantai berubah
	Patriotisme	1. Biar putih tulang, jangan putih mata	4. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
		2. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri	5. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
		3. Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di bekalang kerbau juga	5. Gajah sama gajah bergaduh, pelanduk mati di tengah-tengah
	Integriti	1. Harapkan pagar, pagar makan padi	4. Kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
		2. Umpama mengepit kepala harimau	
		3. Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit	5. Menang jadi arang kalah jadi abu
	Pelancongan	1. Jauh perjalanan, luas pemandangan	3. Indah khabar dari rupa
		2. Menyelam sambil minum air	4. Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata
Kepimpinan	1. Hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa	4. Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara	
	2. Ular menyusur akar, takkan hilang bisanya	5. Ibarat laut budi tepian akal	
	3. Gajah mati meninggalkan gading, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama	6. Kurang ringgit boleh dicari, kurang akal habis bicara 7. Ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk	
Sukan	1. Badan sihat otak cerdas	3. Genggam bara api biar sampai jadi arang	
	2. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa	4. Hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	
Kasih-mangasihi	1. Yang tua dihormati, yang muda disayangi	4. Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga	
	2. Melukut di tepi gantang		
	3. Patah tumbuh hilang berganti	5. bagai kacang lupakan kulit	
Novel	SOALAN	NOVEL LEFTENAN ADNAN	NOVEL TIRANI
	Peristiwa memberi Inspirasi	<ul style="list-style-type: none"> Adnan menyertai Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris. Dia gigih berlatih walaupun kurang fasih berbahasa Inggeris. Akhirnya Adnan memenangi pertandingan tersebut Ini menunjukkan Kesungguhan membawa kejayaan 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda dan keluarganya bekerjasama menguruskan perniagaan Syarikat Tajau Emas. Bapanya menjadi pemandu pelancong dan ibunya Raidah menjadi pengurus dapur Ini menunjukkan sikap kerjasama membawa kejayaan

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN	
	SOALAN	NOVEL LEFTENAN ADNAN	NOVEL TIRANI
Novel	Peristiwa memberi Inspirasi	<ul style="list-style-type: none"> Adnan berjaya mengesan pergerakan Tentera Jepun yang menyamar seperti Tentera Sikh. Adnan berani mengambil keputusan untuk menyerang tentera tersebut sehingga ramai tentera Jepun terbunuh Ini menunjukkan Kebijaksanaan dalam menewaskan Pasukan Musuh 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda telah bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Flamingo Resort. Waheeda banyak menimba ilmu baharu di sana. Dia telah mengaplikasikan ilmu pengurusan hotel tersebut di syarikat milik keluarganya Ini menunjukkan Kebijaksanaan dalam merancang Masa Hadapan
	Peristiwa Menyentuh Hati	<ul style="list-style-type: none"> Tentera Jepun telah menangkap Leftenan Adnan dengan guni. Mereka menggantung Leftenan Adnan pada pokok ceri dan menikamnya dengan menggunakan Bayonet sehingga mayatnya hancur. Ini menunjukkan perjuangan askar Melayu demi kedalutan negara 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda telah diceraikan oleh Zahid. Zahid enggan mempercayai bukti ujian DNA yang membuktikan Wahheda tidak bersalah Ini menunjukkan keadaan seseorang yang tidak berpeluang mempertahankan dirinya dari tuduhan
		<ul style="list-style-type: none"> Rakyat semakin sengsara di bawah pemerintahan Jepun. Mereka terpaksa makan apa-apa sahaja seperti Ubi dan Pisang untuk mengalas perut. Ini menunjukkan kesusahan masyarakat dahulu ketika dijajah oleh kuasa asing 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda mengalami kemurungan setelah diceraikan oleh Zahid. Dia kerap bersendirian dan menyalahkan dirinya. Ini menunjukkan kesedihan seorang wanita yang mengalami masalah kegagalan rumah tangga.
	Peristiwa yang memberi Iktibar	<ul style="list-style-type: none"> Adnan dan pasukannya menempuhi pertempuran sengit di Bukit Candu. Askar Melayu tetap berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Ini menunjukkan Kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda banyak mempelajari ilmu Pengurusan Hotel semasa menjalani rawatan di Singapura. Beliau sering menghadiri Bengkel Pengurusan Perniagaan. Ini menunjukkan Kebijaksanaan dalam memanfaatkan masa
		<ul style="list-style-type: none"> Berpuluh-puluh Tentera Jepun mencari keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal, Kajang. Namun penduduk kampung telah berpakat merahsiakan keberadaan keluarga Leftenana Adnan Ini menunjukkan sikap kerjasama amat penting untuk membantuk orang yang dalam kesusahan 	<ul style="list-style-type: none"> Izzati memaafkan bapanya walaupun kewujudannya tidak diakui oleh bapanya sendiri. Kemuliaan hati Izzati yang menganggap kenikmatan memberi maaf lebih manis daripada kenikmatan berdendam Ini menunjukkan sikap memaafkan orang lain akan memberi ketenangan kepada kita
Peristiwa Negatif	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk kampung mencemuh tindakan Pak Saidi yang menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Mereka menganggap Adnan akan keluar dari Agama Islam Ini menunjukkan sikap menuduh tanpa usul periksa akan memecahbelahkan masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> Waheeda sering diejek oleh rakan-rakannya kerana mempunyai hidung yang pesek. Hal ini menyebabkan dia berasa rendah diri dan sedih Ini menunjukkan sikap menghina rupa paras ciptaan Tuhan adalah sangat tidak wajar 	

TOPIK	SUBTOPIK	HURAIAN		
Novel	SOALAN	NOVEL LEFTENAN ADNAN	NOVEL TIRANI	
	Peristiwa Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Sama yang membocorkan rahsia Pertahanan Askar Melayu kepada tentera Jepun. Dia melakukannya untuk kepentingan peribadi. ◇ Ini menunjukkan sikap tidak taat kepada negara yang patut dihindari 	<ul style="list-style-type: none"> • Waheeda menyuarakan hasratnya untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya. Namun hasrat itu ditegah oleh bapanya kerana bercanggah dengan agama ◇ Ini menunjukkan sikap bersyukur dengan kurniaan Tuhan amat penting dalam diri ini. 	
	Peristiwa yang memberikan persoalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pak Saidi menggunakan Keris Pusaka untuk melawan tentera Jepun yang mencari waris keluarga Adnan. Dia ingin mempertahankan keluarga Adnan ◇ Ini menunjukkan persoalan sama ada Pak Saidi berjaya mempertahankan dirinya atau dibunuh oleh tentera Jepun • Ibu Adnan tidak bersetuju dengan hasrat Adnan untuk menjadi seorang Tentera. Ibunya lebih suka Adnan menjadi seorang guru. ◇ Ini menunjukkan persoalan bagaimana Adnan dapat memujuk ibunya untuk merestui cita-citanya itu 	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan dingin yang berlaku antara Bazilah dengan Waheeda kerana salah faham. Bazilah cemburu melihat kemesraan antara tunangnya dengan Waheeda ◇ Ini menunjukkan persoalan untuk melihat tindakan Waheeda dalam menyelesaikan salah faham antara mereka • Zahid telah memohon maaf kepada Waheeda kerana telah menuduhnya dan mengabaikannya. Dia merasa bersalah kerana tidak menjalankan tanggungjawabnya. ◇ Ini menunjukkan persoalan sama ada Waheeda akan memaafkan kesalahan Zahid atau sebaliknya. 	
Rumusan	Struktur Rumusan	◇ Rumusan membincangkan (FOKUS 1) dan (FOKUS 2) (TAJUK). ◇ Antara (FOKUS 1)(TAJUK) ialah (ISI 1) dan (ISI 2). Bahkan, (ISI 3) dan (ISI 4) juga adalah (FOKUS 1)(TAJUK). Selain itu, Antara (FOKUS 2)(TAJUK) ialah (ISI 5) serta (ISI 6). Malahan (ISI 7) dan (ISI 8) ialah perkara sama ◇ Kesimpulannya, (CADANGAN)(TAJUK) agar (KESAN / HARAPAN)		
	Pola Fokus Soalan	KATA FOKUS		KOSA KATA LAIN BAGI FOKUS TERSEBUT
		◇ Punca	→ Faktor / Sebab / Alasan	
		◇ Ciri-ciri	→ Kriteria / Sifat	
		◇ Cara	→ Langkah-langkah/usaha/inisiatif/kaedah/tindakan	
		◇ Peranan	→ Fungsi/Tugas/tanggungjawab	
		◇ Kebaikan	→ Manfaat/faedah/Kepentingan/keutamaan/kelebihan	
		◇ Keburukan	→ Kesan/Impak/Implikasi/Akibat/Natijah	
		◇ Cabaran	→ Halangan/Kekangan/Masalah/Rintangangan	
	◇ Sumbangan	→ Jasa / Bakti		
◇ Persediaan	→ Persiapan			
Tips Penulisan Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> • Kenal pasti dahulu fokus yang terdapat dalam bahan • Optimumkan isi yang ringkas & pendek 		<ul style="list-style-type: none"> • Jangan potong ayat isi sewenang-wenangnya • Guna: Antaranya, Bahkan, Kemudian, Seterusnya 	